| 2011 | 24,927 | 34,510 | 311,741,200 |
| 2012 | 35,903 | 50,499 | 508,235,300 |
| 2013 | 41,679 | 55,093 | 535,536,500 |
| 2014 | 25,163 | 36,480 | 349,147,750 |
| 2015 | 32,883 | 47,270 | 582,404,832 |
| 2016 | 42,141 | 52,369 | 703,374,500 |
| 2017 | 21,752 | 29,465 | 382,545,584 |
| 2018 | 20,134 | 27,628 | 354,138,500 |
| **JUMLAH *TOTAL*** | **420,925** | **551,947** | **5,328,338,466** |

## PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT TAHUN (1999-2018)
## *DISBURSEMENT OF FINANCING BY YEAR (1999-2018)*






## PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT NEGERI (1999-2018)
## *DISBURSEMENT OF FINANCING BY STATE (1999-2018)*

| NEGERI *STATE* | BIL PEMBIAYAAN *NUM OF FINANCING* | BIL. USAHAWAN *NUM. OF ENTREPRENEUR* | NILAI (RM) *VALUE (RM)* |
|---|---|---|---|
| SELANGOR | 59,137 | 49,170 | 738,792,750 |
| JOHOR | 59,834 | 45,929 | 617,742,900 |
| KEDAH | 58,712 | 44,002 | 516,447,832 |
| TERENGGANU | 56,090 | 44,558 | 487,742,984 |
| KELANTAN | 52,174 | 36,351 | 467,117,000 |
| SABAH | 53,342 | 36,238 | 462,967,700 |
| PAHANG | 38,110 | 29,976 | 370,151,200 |
| PERAK | 40,300 | 30,701 | 370,083,500 |
| WILAYAH PERSEKUTUAN | 18,821 | 15,851 | 271,544,000 |
| SARAWAK | 43,425 | 31,237 | 267,285,400 |
| NEGERI SEMBILAN | 22,636 | 18,442 | 257,626,500 |
| PULAU PINANG | 23,403 | 18,890 | 224,447,400 |
| MELAKA | 16,427 | 12,383 | 189,716,700 |
| PERLIS | 9,536 | 7,197 | 86,672,600 |
| **JUMLAH *TOTAL*** | **551,947** | **420,925** | **5,328,338,466** |






## PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT JULAT UMUR (1999-2018)
## *DISBURSEMENT OF FINANCING BY AGE RANGE (1999-2018)*

| UMUR *AGE* | BIL. PEMBIAYAAN *NUM. OF FINANCING* | PERATUSAN % *PERCENTAGE %* | NILAI (RM) *VALUE (RM)* |
|---|---|---|---|
| 18 - 30 Tahun *Years Old* | 151,458 | 27 | 1,409,170,500 |
| 31 - 40 Tahun *Years Old* | 182,791 | 33 | 1,839,617,282 |
| 41 - 50 Tahun *Years Old* | 145,005 | 26 | 1,419,763,584 |
| 51 - 60 Tahun *Years Old* | 66,851 | 12 | 617,653,600 |
| 61 Tahun ke atas *Years Old and Above* | 5,842 | 1.1 | 42,133,500 |
| **JUMLAH *TOTAL*** | **551,947** | **100** | **5,328,338,466** |




Penyaluran Pembiayaan mengikut umur bagi tahun 1999-2018 menunjukkan julat umur antara 31 – 40 merupakan julat tertinggi yang menerima pembiayaan iaitu sebanyak 33 % dengan jumlah RM1.8 bilion.

Disbursement of financing by age for year 1999-2018 show the range of 31 - 40 is the highest recipient of financing which is 33% amount to RM1.8 billion.

## PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT JULAT PEMBIAYAAN (1999-2018)
## *DISBURSEMENT OF FINANCING BY RANGE (1999-2018)*

| JULAT PEMBIAYAAN *FINANCING RANGE* | BIL. PEMBIAYAAN *NUM. OF FINANCING* | PERATUSAN % *PERCENTAGE %* | NILAI (RM) *VALUE (RM)* |
|---|---|---|---|
| RM5,000 dan ke bawah *and below* | 243,031 | 44 | 876,368,300 |
| RM5,001 - RM10,000 | 186,838 | 34 | 1,489,000,850 |
| RM10,001 - RM20,000 | 79,677 | 14 | 1,223,502,800 |
| RM20,001 - RM30,000 | 19,231 | 3 | 488,421,700 |
| RM30,001 - RM40,000 | 7,086 | 1 | 251,067,084 |
| RM40,001 - RM50,000 | 10,096 | 2 | 499,116,800 |
| RM50,001 – RM100,000 | 5,988 | 1 | 500,860,932 |
| **JUMLAH *TOTAL*** | **551,947** | **100** | **5,328,338,466** |



RM5,000 dan ke bawah
*RM5,000 and below* 44%

RM5,001 - RM10,000 34%

RM10,001 - RM20,000 14%

RM20,001 - RM30,000 3%

RM30,001 - RM40,000 1%

RM40,001 - RM50,000 2%

RM50,001 – RM100,000 2%

Julat pembiayaan RM5,000 dan ke bawah merupakan bilangan pembiayaan yang paling tinggi melibatkan 243,031 usahawan ( 44% ) dengan nilai pembiayaan berjumlah RM876 juta.
*Financing range RM5,000 and below is the highest disbursement involving 243,031 entrepreneurs (44%) with a financing value of RM876 million.*

## PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT SEKTOR PERNIAGAAN (1999-2018)
## *DISBURSEMENT OF FINANCING BY BUSINESS SECTOR (1999-2018)*

| SEKTOR PERNIAGAAN *BUSINESS SECTOR* | BIL. PEMBIAYAAN *NUM. OF FINANCING* | PERATUSAN % *PERCENTAGE %* | NILAI (RM) *VALUE (RM)* |
|---|---|---|---|
| Pertanian & Perusahaan Tani *Agriculture & Farming Enterprise* | 47,306 | 9 | 443,721,900 |
| Peruncitan *Retail* | 205,511 | 37 | 1,787,662,432 |
| Perkhidmatan *Services* | 236,349 | 43 | 2,226,517,250 |
| Pembuatan *Manufacture* | 45,024 | 8 | 379,000,000 |
| Kontraktor Kecil *Small-scale Contractor* | 17,757 | 3 | 491,436,884 |
| **JUMLAH *TOTAL*** | **551,947** | **100** | **5,328,338,466** |



Pertanian & Perusahaan Tani *Agriculture & Farming Enterprise* 9%

Pembuatan *Manufacture* 8%

Peruncitan *Retail* 37%

Kontraktor Kecil *Small-scale Contractor* 3%

Perkhidmatan *Services* 43%

Sebanyak 236,349 atau 43% bilangan pembiayaan dikeluarkan di bawah sektor perkhidmatan dengan nilai RM2.2 bilion.
A total of 236,349 or 43% of financing was disburse for the services sector with disbursement amount RM2.2 billion.

## PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT JANTINA (1999 - 2018)
## *DISBURSEMENT OF FINANCING BY GENDER (1999-2018)*

| JANTINA *GENDER* | BIL USAHAWAN *NUM OF ENTREPRENEUR* | PERATUSAN % *PERCENTAGE %* | NILAI (RM) *VALUE (RM)* |
|---|---|---|---|
| Wanita *Women* | 304,602 | 55 | 2,568,882,616 |
| Lelaki *Man* | 247,345 | 45 | 2,759,455,850 |
| **JUMLAH *TOTAL*** | **551,947** | **100** | **5,328,338,466** |




Kaum wanita paling ramai menerima pembiayaan iaitu sebanyak RM2.6 bilion dengan bilangan seramai 304,602 orang usahawan. Sementara kaum lelaki sebanyak 45% dengan bilangan seramai 247,345 orang usahawan.

Women received the most funding amounted to RM2.6 billion with a total of 304,602 entrepreneurs. Meanwhile 45% with a total of 247,345 entrepreneurs are man.

## BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN MENGIKUT TAHUN (1999-2018)
## *REPAYMENT OF FINANCING BY YEAR (1999-2018)*

| TAHUN *YEAR* | BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN (RM) *REPAYMENT OF FINANCING* (RM) |
|---|---|
| 1999 | 2,604,231.69 |
| 2000 | 15,155,970.82 |
| 2001 | 34,856,214.04 |
| 2002 | 66,415,168.92 |
| 2003 | 87,447,533.66 |
| 2004 | 102,960,828.45 |
| 2005 | 96,051,515.53 |
| 2006 | 82,352,235.12 |
| 2007 | 91,556,973.41 |
| 2008 | 100,883,760.00 |
| 2009 | 146,609,029.00 |
| 2010 | 154,690,971.00 |
| 2011 | 181,301,087.00 |
| 2012 | 281,874,585.00 |
| 2013 | 346,611,376.00 |
| 2014 | 312,420,109.00 |
| 2015 | 355,894,194.00 |
| 2016 | 551,932,835.00 |
| 2017 | 554,650,120.00 |
| 2018 | 518,539,940.34 |
| **JUMLAH *TOTAL*** | **4,084,808,677.98** |






# LAPORAN PEMBIAYAAN BAGI TAHUN 2018
# *FINANCING REPORT FOR THE YEAR 2018*

## PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT NEGERI BAGI TAHUN 2018
## *DISBURSEMENT OF FINANCING BY STATE FOR THE YEAR 2018*

| NEGERI *STATE* | BIL. USAHAWAN *NUM. OF ENTREPRENEUR* | BIL. PEMBIAYAAN *NO. OF FINANCING* | NILAI (RM) *VALUE* (RM) |
|---|---|---|---|
| Johor | 2,349 | 3,031 | 42,777,000 |
| Kedah | 1,241 | 1,842 | 24,363,000 |
| Kelantan | 1,462 | 2,137 | 26,610,000 |
| Melaka | 462 | 701 | 10,868,000 |
| Negeri Sembilan | 900 | 1,157 | 16,524,000 |
| Pahang | 964 | 1,380 | 19,561,000 |
| Perak | 955 | 1,334 | 23,495,500 |
| Perlis | 265 | 408 | 4,205,000 |
| Pulau Pinang | 517 | 677 | 7,815,000 |
| Sabah | 3,295 | 4,651 | 55,905,500 |
| Sarawak | 1,511 | 2,770 | 23,975,000 |
| Selangor | 4,469 | 5,118 | 66,265,000 |
| Terengganu | 832 | 1,299 | 16,100,500 |
| Wilayah Persekutuan | 912 | 1,123 | 15,674,000 |
| **JUMLAH *TOTAL*** | **20,134** | **27,628** | **354,138,500** |






## PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT JULAT UMUR BAGI TAHUN 2018
## *DISBURSEMENT OF FINANCING BY AGE RANGE YEAR 2018*

| UMUR *AGE* | BIL. PEMBIAYAAN *NUM. OF FINANCING* | PERATUSAN % *PERCENTAGE %* | NILAI (RM) *VALUE* (RM) |
|---|---|---|---|
| 18 - 30 Tahun *Years* | 8,200 | 30 | 99,152,500 |
| 31 - 40 Tahun *Years* | 9,923 | 36 | 128,323,500 |
| 41 - 50 Tahun *Years* | 6,810 | 25 | 88,464,000 |
| 51 - 60 Tahun *Years* | 2,691 | 10 | 38,161,500 |
| 61 Tahun ke atas *Years and above* | 4 | 0.0 | 37,000 |
| **JUMLAH *TOTAL*** | **27,628** | **100** | **354,138,500** |



18 - 30 Tahun *18 - 30 Years* 30%

41 - 50 Tahun *41 - 50 Years* 25%

31 - 40 Tahun *31 - 40 Years* 36%

51 - 60 Tahun *51 - 60 Years* 10%

Julat umur 31-40 tahun merupakan kategori tertinggi yang mendapat pembiayaan iaitu sebanyak 36% dengan nilai pembiayaan berjumlah RM128 juta.
Age range 31-40 year is the highest category with 36% financing with a total funding value of RM128 million.

## PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT JULAT PEMBIAYAAN BAGI TAHUN 2018
## *DISBURSEMENT OF FINANCING BY RANGE YEAR 2018*

| JULAT PEMBIAYAAN RANGE OF FINANCING | BIL. PEMBIAYAAN NUM. OF FINANCING | PERATUSAN % PERCENTAGE % | NILAI (RM) VALUE (RM) |
|---|---|---|---|
| RM5,000 dan ke bawah *and below* | 8,117 | 29 | 35,687,000 |
| RM5,001 - RM10,000 | 12,642 | 46 | 112,062,500 |
| RM10,001 - RM20,000 | 4,117 | 15 | 63,610,000 |
| RM20,001 - RM30,000 | 760 | 3 | 21,268,000 |
| RM30,001 - RM40,000 | 625 | 2 | 23,838,000 |
| RM40,001 - RM50,000 | 468 | 2 | 22,713,000 |
| RM50,001 – RM100,000 | 899 | 3 | 74,960,000 |
| **JUMLAH TOTAL** | **27,628** | **100** | **354,138,500** |



RM5,000 dan ke bawah *and below* 29%

RM5,001 - RM10,000 46%

RM10,001 - RM20,000 15%

RM20,001 - RM30,000 3%

RM30,001 - RM40,000 2%

RM40,001 - RM50,000 2%

RM50,001 - RM100,000 3%

Julat pembiayaan RM5,001-RM10,000 merupakan julat paling tinggi yang menerima pembiayaan melibatkan 12,642 usahawan dengan pembiayaan bernilai RM112,062,500 atau 46% daripada jumlah keseluruhan.

Financing range between RM5001-RM10,000 is the highest range received the financing involving RM12,642 entrepreneurs amounting to RM112,062,500 or 46% of total financing.

## PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT SEKTOR BAGI TAHUN 2018
## *DISBURSEMENT OF FINANCING BY SECTOR YEAR 2018*

| SEKTOR *SECTOR* | BIL. PEMBIAYAAN *NUM. OF FINANCING* | PERATUSAN % *PERCENTAGE %* | NILAI (RM) *VALUE (RM)* |
|---|---|---|---|
| Pertanian & Perusahaan Tani *Agriculture & Farming Enterprise* | 1,894 | 7 | 17,567,900 |
| Peruncitan *Retail* | 11,003 | 40 | 106,160,900 |
| Perkhidmatan *Services* | 10,056 | 36 | 111,633,900 |
| Pembuatan *Manufacture* | 2,435 | 9 | 22,481,900 |
| Kontraktor Kecil *Small-scale Contractor* | 2,240 | 8 | 96,293,900 |
| **JUMLAH *TOTAL*** | **27,628** | **100** | **354,138,500** |



Pertanian & Perusahaan Tani *Agriculture & Farming Enterprise* 7%

Pembuatan *Manufacture* 9%

Peruncitan *Retail* 40%

Kontraktor Kecil *Small-scale Contractor* 8%

Perkhidmatan *Services* 36%

Sektor peruncitan merupakan sektor tertinggi menerima pembiayaan iaitu sebanyak 40% diikuti sektor perkhidmatan sebanyak 36% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan.
The retail sector received the highest amount financing accounting for 40% of total disbursement followed by 36% services sector of financing.

## PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT JANTINA BAGI TAHUN 2018
## *DISBURSEMENT OF FINANCING BY GENDER YEAR 2018*

| JANTINA *GENDER* | BIL. USAHAWAN *NUM. ENTREPRENEUR* | PERATUSAN % *PERCENTAGE %* | NILAI (RM) *VALUE* (RM) |
|---|---|---|---|
| Wanita *Women* | 17,394 | 64 | 176,273,000 |
| Lelaki *Man* | 10,234 | 36 | 177,865,500 |
| **JUMLAH *TOTAL*** | **20,134** | **100** | **354,138,500** |




Wanita paling ramai menceburi bidang perniagaan iaitu seramai 17,394 orang usahawan. Manakala usahawan lelaki adalah seramai 10,234 orang.

Women recorded as the highest number involve in the business field with 17,394 entrepreneurs. While male entrepreneurs totalled 10,234.

## BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN MENGIKUT NEGERI BAGI TAHUN 2018
## *REPAYMENT OF FINANCING BY STATE FOR THE YEAR 2018*

| NEGERI *STATE* | NILAI (RM) *VALUE* (RM) |
|---|---|
| Johor | 64,557,639.25 |
| Kedah | 43,412,730.39 |
| Kelantan | 48,854,145.15 |
| Melaka | 19,537,787.16 |
| Negeri Sembilan | 22,090,986.09 |
| Pahang | 36,862,184.82 |
| Perak | 35,362,508.38 |
| Perlis | 8,379,189.80 |
| Pulau Pinang | 18,168,842.53 |
| Sabah | 74,430,811.84 |
| Sarawak | 32,755,444.72 |
| Selangor | 57,102,710.50 |
| Terengganu | 30,754,866.72 |
| W. Persekutuan | 26,270,092.99 |
| **JUMLAH *TOTAL*** | **518,539,940.34** |








## PRODUK
# PEMBIAYAAN
## TEKUN NASIONAL
## *FINANCING PRODUCTS*



# PRODUK PEMBIAYAAN TEKUN NASIONAL

## *FINANCING PRODUCTS*






### Skim Pembiayaan TEKUN Niaga

Skim ini merupakan produk pembiayaan utama yang dilaksanakan sejak tahun 1998 dengan nilai pembiayaan dari RM1,000 hingga RM10,000 pada awal pelaksanaannya. Skim ini telah ditambahbaik dan ditingkatkan had pembiayaan sehingga RM100,000 mengikut keperluan semasa. Bagi Tahun 2018 sejumlah RM77.80 juta pembiayaan telah dikeluarkan kepada 4,966 orang usahawan.

Syarat asas permohonan pembiayaan TEKUN ialah;

- Terbuka kepada Bumiputera dan warganegara Malaysia
- Berumur antara 18 hingga 60 tahun.
- Tempoh bayaran balik dari 6 bulan hingga 10 tahun.
- Pemohon perlu mempunyai lesen / permit / daftar perniagaan yang sah (SSM).
- Mempunyai tempat / lokasi perniagaan yang khusus / berniaga secara bergerak (mobile).

### TEKUN Niaga Financing Scheme

The scheme is a main financing product which commenced since 1998 with a financing value from RM1,000 to RM10,000 at the earlier stage of its implementation. The scheme has been improved and the financing limit has been increased to RM100,000 as per the current requirement. For the year 2018 a total of RM77.80 million of financing has been disburse to 4,966 entrepreneurs.

The basic requirements to apply TEKUN Niaga financing are;

- Open to Bumiputeras and citizens of Malaysia
- 18 to 60 years old.
- Repayment period is 6 months to 10 years.
- Applicants must have a valid business license / permit / register (SSM).
- Have a specific location for a business / mobile business.

## Skim Pembiayaan TEMAN TEKUN

Skim ini menggunakan konsep pembiayaan berkumpulan (5 orang / kumpulan) yang mempunyai pelbagai jenis aktiviti perniagaan. Ahli kumpulan hendaklah mempunyai premis/ tapak perniagaan yang berdekatan antara satu sama lain dalam lingkungan kurang daripada 10 kilometer dan bergantung kepada lokasi perniagaan kumpulan. Nilai pembiayaan di bawah skim ini adalah dari RM1,000 hingga RM20,000. Sejak diperkenalkan pada tahun 2015, Skim Pembiayaan TEMAN TEKUN telah menyalurkan RM437.8 juta kepada 60,887 usahawan yang meliputi 12,574 kumpulan. Manakala bagi tahun 2018, sebanyak RM94.2 juta telah disalurkan kepada 12,202 orang usahawan merangkumi 2,460 kumpulan. Pemohon perlu memenuhi syarat asas permohonan TEKUN Niaga serta syarat tambahan pembiayaan seperti berikut :-

- Bumiputera dan masyarakat India (menerusi dana SPUMI)
- Membentuk kumpulan lima ( 5 ) orang usahawan (lelaki dan wanita) dari kenalan / rakan perniagaan yang boleh dipercayai
- Ahli kumpulan merangkumi pelbagai jenis aktiviti perniagaan yang sah di sisi undang-undang
- Bayaran balik secara mingguan / dwi mingguan / bulanan / cek bayaran tertunda.
- Perlu menghadiri perjumpaan setiap minggu bersama Pegawai TEKUN di lokasi perniagaan / Pejabat TEKUN Cawangan / tempat yang bersesuaian.

## TEMAN TEKUN Financing Scheme

The scheme utilizes the concept of group financing (5 people / group) with various types of business activities. Group members must have a business premises / site close to each other within less than 10 kilometers radius and depending on the location of the group's business. The financing value under this scheme is from RM1,000 to RM20,000. Since its introduction in 2015, the TEMAN TEKUN Financing Scheme has disburse RM437.8 million to 60,887 entrepreneurs comprising 12,574 groups. For the year 2018, RM94.2 million was channeled to 12,202 entrepreneurs comprising 2,460 groups. Applicants must meet the basic requirements of the TEKUN Niaga as well as additional financing requirements as follows: -

- Bumiputera and Indians (through SPUMI funds)
- Form a group of five (5) entrepreneurs (men and women) from trusted business contacts / partners
- Group members comprises a variety of legal business activities
- Weekly / biweekly / monthly / post dated cheque
- Must attend the weekly meeting with TEKUN officer at the business location / TEKUN Branch Office / appropriate place.





### PENYALURAN PEMBIAYAAN SKIM TEMAN TEKUN BAGI TAHUN 2015-2018
### *DISBURSEMENT OF FINANCING TEMAN TEKUN FOR THE YEAR 2015-2018*

| TAHUN *YEAR* | BIL. PEMBIAYAAN *NUM OF FINANCING* | BIL. USAHAWAN *NUM OF ENTREPRENEURS* | BIL KUMPULAN *NUM OF GROUP* | NILAI (RM) VALUE (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 2015 | 12,267 | 10,974 | 2,453 | 83,204,000 |
| 2016 | 25,334 | 24,983 | 5,067 | 175,935,500 |
| 2017 | 12,971 | 12,728 | 2,594 | 84,505,000 |
| 2018 | 12,302 | 12,202 | 2,460 | 94,162,000 |
| **JUMLAH *TOTAL*** | **62,874** | **60,887** | **12,574** | **437,806,500** |

## PENYALURAN PEMBIAYAAN SKIM TEMAN TEKUN BAGI TAHUN 2015-2018
## *DISBURSEMENT OF FINANCING TEMAN TEKUN FOR THE YEAR 2015-2018*








## Skim Pembiayaan Program TEMANNITA

Skim pembiayaan ini khusus untuk wanita secara berkumpulan dan dilancarkan pada tahun 2018. Nilai pembiayaan di bawah skim ini adalah dari RM1,000 hingga RM20,000. Seramai 9,233 usahawan dalam 1,811 kumpulan dengan pembiayaan sebanyak RM57.9 juta diberikan. Pemohon perlu memenuhi syarat asas permohonan serta syarat tambahan pembiayaan seperti berikut :-

- Bumiputera dan wanita.
- Membentuk kumpulan lima ( 5 ) orang usahawan (wanita) dari kenalan / rakan perniagaan yang boleh dipercayai.
- Ahli kumpulan merangkumi pelbagai jenis aktiviti perniagaan yang sah di sisi undang-undang.
- Bayaran balik secara mingguan / dwi mingguan / bulanan / cek bayaran tertunda.
- Perlu menghadiri perjumpaan setiap minggu bersama pegawai TEKUN lokasi perniagaan / Pejabat TEKUN Cawangan / tempat yang bersesuaian.

## TEMANNITA Program Financing Scheme

This financing scheme is specifically for women in groups and was launched in the year 2018. The value of financing under this scheme is from RM1,000 to RM20,000. A total of 9,233 entrepreneurs in 1,811 groups were funded with a value amounted to RM57.9 million. Applicants must meet the basic requirements as well as additional financing requirements as follows: -

- Bumiputera and women.
- Form a group of five (5) entrepreneurs (women) from trusted business contacts / partners.
- Group members comprises a variety of legal business activities.
- Weekly / biweekly / monthly / post dated cheque.
- Must attend the weekly meeting with TEKUN officer at the business location / TEKUN Branch Office / appropriate place.

## PENYALURAN PEMBIAYAAN SKIM TEMANNITA BAGI TAHUN 2017-2018
## *DISBURSEMENT OF FINANCING TEMANNITA SCHEME 2017-2018*

| TAHUN *YEARS* | BIL PEMBIAYAAN *NUM OF FINANCING* | BIL. USAHAWAN *NUM OF ENTREPRENEURS* | BIL KUMPULAN *NUM OF GROUP* | NILAI (RM) *VALUE (RM)* |
|---|---|---|---|---|
| 2017 | 3,994 | 4,267 | 798 | 23,516,000 |
| 2018 | 5,067 | 4,966 | 1,013 | 34,357,000 |
| **JUMLAH *TOTAL*** | **9,061** | **9,233** | **1,811** | **57,873,000** |




## Skim Pembiayaan Kontrak-*i*

Skim ini adalah merupakan pembiayaan kontrak pembekalan secara terus yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Agensi Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan ( GLC ). Memberi alternatif dan kemudahan pembiayaan kepada usahawan untuk mendapatkan modal tambahan dengan cepat.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2015 sehingga tahun 2018, seramai 4,037 orang usahawan menerima pembiayaan bernilai RM326 juta. Manakala bagi tahun 2018 seramai 1,540 orang usahawan menerima pembiayaan berjumlah RM95.6 juta. Kelebihan skim ini adalah mempunyai tempoh pembiayaan yang lebih fleksibel, caj pengurusan yang rendah, tanpa penjamin, tanpa deposit dan kaedah pembiayaan secara *lumpsum.*

## Kontrak-*i* Financing Scheme

This scheme is for direct supply contract financing obtained from the Federal Government, State Government, Government Agencies and Government-Linked Companies (GLCs). Provide alternatives and financing facilities to entrepreneurs to obtain immediate additional capital.

Since its introduction in year 2015 to 2018, 4,037 entrepreneurs have received a financing amount of RM326 million. Whereas for year 2018 as many as 1,540 entrepreneurs received financing totaling to RM95.6 million. The advantage of this scheme is that it has a flexible tenure, low management charge, without guarantor and no deposit and a lump sum financing method.

## PENYALURAN PEMBIAYAAN SKIM KONTRAK-*i* BAGI TAHUN 2015-2018
## *DISBURSEMENT OF FINANCING KONTRAK-i SCHEME 2015-2018*

| PERKARA *ITEM* | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | JUMLAH *TOTAL* |
|---|---|---|---|---|---|
| Bil Usahawan *Num of Entrepreneur* | 122 | 1,424 | 1,616 | 1,540 | 4,037 |
| Bil. Pembiayaan *Num of Financing* | 125 | 1,677 | 2,052 | 2,033 | 6,255 |
| **NILAI (RM) *VALUE (RM)*** | **7,332,000** | **96,875,500** | **107,485,584** | **95,630,500** | **326,266,584** |




## BILANGAN USAHAWAN SKIM KONTRAK-*i* BAGI TAHUN 2015-2018
## *NUMBER OF ENTREPRENEUR KONTRAK-i SCHEME FOR YEAR 2015-2018*



## Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI)

TEKUN Nasional turut menyediakan kemudahan pembiayaan kepada masyarakat India yang ingin memulakan dan menjalankan perniagaan melalui Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI). Skim ini dapat menggalakkan masyarakat India terlibat dalam perniagaan secara inovatif dan kreatif.

Skim ini diperkenalkan pada tahun 2008 kepada masyarakat India yang berumur 18 sehingga 60 tahun. Pada tahun 2008 hingga 2018, jumlah pengeluaran pembiayaan adalah sebanyak RM286.5 juta kepada 20,975 usahawan. Bagi tahun 2018 seramai 808 usahawan mendapat pembiayaan bernilai RM20.6 juta.

## Indian Community Entrepreneur Development Scheme (SPUMI)

TEKUN Nasional also provides financing facilities to the Indian community who wish to start and operate business through the Indian Community Entrepreneur Development Scheme (SPUMI). This scheme encourage Indian community to involve in business through an innovative and creative way.

This scheme was introduced in 2008 to the Indian community with the age range from 18 to 60 years. Since 2008, a total of RM286.5 million was disbursed to 20,975 entrepreneurs. For year 2018, 808 entrepreneurs received financing worth RM20.6 million.



## PENYALURAN PEMBIAYAAN SKIM PEMBANGUNAN USAHAWAN MASYARAKAT INDIA (SPUMI) BAGI TAHUN 2008-2018
## *DISBURSEMENT OF FINANCING OF INDIAN COMMUNITY ENTREPRENEUR DEVELOPMENT SCHEME (SPUMI) FOR YEAR 2008-2018*

| TAHUN *YEAR* | BIL. PEMBIAYAAN *NUM OF FINANCING* | BIL. USAHAWAN *NUM OF ENTREPRENEUR* | NILAI (RM) *VALUE (RM)* |
|---|---|---|---|
| 2008 | 151 | 150 | 1,276,500 |
| 2009 | 1,156 | 1,150 | 8,364,500 |
| 2010 | 725 | 719 | 6,270,000 |
| 2011 | 1,915 | 1,883 | 16,202,394 |
| 2012 | 1,081 | 997 | 13,649,006 |
| 2013 | 8,146 | 7,764 | 112,455,500 |
| 2014 | 1,894 | 1,685 | 18,902,000 |
| 2015 | 1,316 | 1,016 | 21,642,000 |
| 2016 | 2,282 | 1,836 | 49,698,000 |
| 2017 | 1,248 | 975 | 17,401,000 |
| 2018 | 1,061 | 808 | 20,623,000 |
| **JUMLAH *TOTAL*** | **20,975** | **18,983** | **286,483,900** |





# PROGRAM DANA KHAS TEKUN NASIONAL

## *SPECIAL FUND PROGRAM*



# PROGRAM DANA KHAS TEKUN NASIONAL

# *SPECIAL FUND PROGRAM*

## PROGRAM AGROPRENEUR MUDA 2017

Seiring dengan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Unit Agropreneur Muda telah mewujudkan Program Agropreneur Muda 2017. Program ini bertujuan membantu menggalakkan penglibatan belia atau anak muda secara langsung dalam bidang pertanian. Program tersebut khusus untuk sektor pertanian dan penternakan iaitu merangkumi aktiviti industri asas tani seperti pemasaran, khidmat sokongan dan agropelancongan. Program ini;

- Menyasarkan golongan berumur antara 18 – 40 tahun.
- Nilai pembiayaan adalah sehingga RM50,000.
- Tempoh 5 tahun dengan kadar keuntungan sebanyak 2% setahun. (caj 2% lagi ditanggung oleh kerajaan )

Sepanjang tahun 2018 seramai 22 orang usahawan telah menerima pembiayaan bernilai RM703,000.

## YOUNG AGROPRENEUR PROGRAM 2017

In line with the 11th Malaysia Plan (11MP), the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MOA) through the Young Agropreneur Unit launched the Young Agropreneur Program. The program aimed to help encourage directly youth involvement in agriculture. The program specifically for agriculture and livestock sector, which also includes agro based industry activities such as marketing, support services and agro-tourism. This program;

- Targeting people between the ages of 18 - 40.
- The value of the financing is up to RM50,000.
- A 5 year period at a rate of 2% per annum. (Another 2% is borne by the government)

During the year 2018, 22 entrepreneurs received funding of RM703,000.

## PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN PROFESIONAL MUDA BUMIPUTERA

TEKUN Nasional menggalakkan golongan profesional untuk memula dan mengembangkan perniagaan dengan menyertai Program Profesional Muda Bumiputera seperti doktor, akauntan, jurutera dan peguam. Pemohon boleh mengamalkan bidang kemahiran profesional mereka ataupun bidang yang berlainan. Program ini menyediakan pembiayaan sehingga RM100,000 dan tempoh bayaran balik sehingga 10 tahun.

Dari tahun 2015 sehingga tahun 2018, program ini telah menyalurkan pembiayaan kepada 191 orang usahawan dengan nilai RM13.5 juta. Pada tahun 2018, sejumlah RM1.7 juta pembiayaan telah disalurkan kepada 27 orang usahawan.

## YOUNG PROFESSIONAL BUMIPUTERA ENTREPRENEUR DEVELOPMENT PROGRAM

TEKUN Nasional encourages professionals such as doctors, accountants, engineers and lawyers to start and grow their businesses by participating in the Young Professionals Bumiputera Program. Applicants can practice their current professional skills or a different professional field. The program provides financing up to RM100,000 and a repayment period of up to 10 years.

From the year 2015 to 2018, the program provided funding to 191 entrepreneurs worth RM13.5 million. In the year 2018, a total of RM1.7 million of funding was disbursed to 27 entrepreneurs.





## PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN SISWAZAH (PPUS)

Program Pembangunan Usahawan Siswazah ( PPUS ) berperanan untuk membantu siswazah yang ingin memulakan atau mengembangkan perniagaan yang sedia ada. Pemohon perlu memenuhi syarat asas dan syarat tambahan seperti berikut:

- Perniagaan boleh dijalankan secara individu atau perkongsian pintar (smart partnership).
- Bilangan maksimum rakan kongsi bagi perkongsian pintar adalah 3 orang siswazah.
- Nilai pembiayaan adalah sehingga RM50,000 bagi setiap rakan kongsi.

TEKUN komited dalam membantu dan memberi peluang kepada siswazah yang ingin menceburi bidang perniagaan. Program ini yang mula dilaksanakan pada tahun 2009, telah membantu 1,273 usahawan siswazah dengan nilai pembiayaan berjumlah RM26.7 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM13.8 juta telah disalurkan kepada 727 orang usahawan siswazah pada tahun 2018.

## GRADUATE ENTREPRENEUR DEVELOPMENT PROGRAM (PPUS)

Graduate Entrepreneur Development Program ( PPUS ) play the role to help graduates who want to start a business or expand their existing business. Applicants must meet the following basic terms and conditions:

- Business can be done individually or by smart partnership.
- The maximum number of partners for smart partnership is 3 graduates.
- The financing value is up to RM50,000 per partner.

TEKUN is committed to help and provide opportunities for graduates who want to venture into business. The program, launched in 2009, has helped 1,273 graduate entrepreneurs with a total funding value of RM26.7 million. Of these numbers, a total of RM13.8 million was distributed to 727 graduate entrepreneurs in the year 2018.

## PROGRAM KHAS MIKRO KERJASAMA AWAM SWASTA - UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA (UKAS)

Program Khas Mikro Kerjasama Awam Swasta - Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) merupakan agensi di bawah Kementerian Kewangan Malaysia yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras projek-projek Penswastaan, Private Public Partnership (PPP) dan projek kerjasama sektor awam-swasta seiring dengan model ekonomi baru dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK 10). Melalui program ini, sektor swasta berperanan dalam meningkatkan ekonomi negara dengan mengurangkan beban kewangan, meningkatkan prestasi dan kecekapan, mempercepatkan pengeluaran serta pertumbuhan ekonomi negara. Caj 2% adalah ditanggung oleh kerajaan.

Pihak UKAS telah menyediakan dana pembiayaan sebanyak RM15 juta kepada TEKUN untuk menjayakan program kerjasama antara sektor swasta dan sektor awam. Pembiayaan yang ditawarkan adalah sehingga RM50,000 dan tidak mengenakan sebarang caj kepada peminjam dengan tempoh bayaran balik sehingga 5 tahun.

Bagi melaksanakan program ini, TEKUN telah menjalinkan kerjasama dengan agensi lain seperti AADK, Jabatan Penjara, GIATMARA dan Pejabat Penasihat Pembangunan dan Ikhtisas Wanita. Program-program pembiayaan yang dilaksanakan adalah seperti berikut;

## SPECIAL MICRO PROGRAM PUBLIC PRIVATE PARTNERSHIP - PRIVATE PUBLIC COOPERATION UNIT (UKAS)

Special Micro Program Public Private Partnership - Private Public Cooperation Unit (UKAS) is an agency under the Ministry of Finance Malaysia which is responsible for coordinating privatization projects, Private Public Partnership (PPP) and public-private sector cooperation projects in line with the new economic model in the Tenth Malaysia Plan (RMK 10). Through this program, the private sector plays a role in improving the country's economy by reducing financial burden, improving performance and efficiency, accelerating production and growth of the national economy. The 2% charge is borne by the government.

UKAS has provided total funding of RM15 million to TEKUN for enabling the success cooperation between the private and public sector. The financing offered is up to RM50,000 and does not impose any charges to the borrower and provide a repayment period of up to 5 years.

To implement this program, TEKUN has partnered with other agencies such as AADK, Prisons Department, GIATMARA and the Office of Women's Development And Professional Advisory Office. The financing programs implemented are as follows;



# PROGRAM PELUANG KEDUA

### i. Pembiayaan bencana

Usahawan yang ditimpa musibah bencana seperti banjir, kebakaran, ribut dan tanah runtuh boleh memohon pembiayaan bencana di bawah Program Peluang Kedua. Nilai pembiayaan yang disediakan adalah sehingga RM50,000. Sejak pelaksanaannya, seramai 159 orang usahawan yang mengalami kesukaran akibat bencana alam telah menerima sejumlah RM1.7 juta. Pada tahun 2018, 7 orang usahawan menerima bantuan pembiayaan berjumlah RM158,000.

### ii. Kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

Hasil kerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), TEKUN telah menyediakan pembiayaan untuk masyarakat Orang Asli yang ingin menjalankan aktiviti perniagaan. Kerjasama ini membuka peluang Orang Asli untuk berniaga barangan selain daripada hasil hutan dan kraftangan. Setiap permohonan pembiayaan perlu mendapat pengesahan atau sokongan dari pejabat JAKOA. Sejumlah RM1.65 juta kepada 157 orang usahawan orang asli telah disalurkan pada tahun berakhir 2018, penerima pembiayaan ini adalah seramai 23 orang usahawan dengan jumlah RM244,000.

### iii. Kerjasama dengan Jabatan Penjara dan Agensi Anti Dadah Kebangsaaan (AADK)

Bagi membantu bekas penghuni penjara dan pelatih Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) untuk menceburi bidang keusahawanan, TEKUN Nasional telah melaksanakan Program Peluang Kedua. Melalui program ini, mereka berpeluang menjana pendapatan menerusi keusahawanan dan kembali bersama masyarakat. Bekas penghuni penjara dan AADK ini telah menjalani kursus kemahiran dan keusahawanan semasa di dalam tempoh tahanan mereka. Dari tahun 2013 sehingga tahun 2018, sejumlah RM111,000 telah disalurkan kepada 9 orang usahawan. Pada tahun 2018, seorang usahawan telah menerima pembiayaan berjumlah RM15,000.

# SECOND CHANCE PROGRAM

### i. Financing for disaster

Entrepreneurs affected by disasters such as floods, fires, storms and landslides can apply financing for disaster under the Second Chance Program. The value of the financing is up to RM50,000. Since its implementation, 159 entrepreneurs suffering from natural disasters have received a total of RM1.7 million. In the year 2018, 7 entrepreneurs received financing assistance amounting to RM158,000.

### ii. Collaboration with Orang Asli Development Department (JAKOA)

In collaboration with Orang Asli Development Department (JAKOA), TEKUN has provided financing for Orang Asli communities who wish to run business activities. This collaboration opens up opportunities for Orang Asli to trade goods other than forest products and handicrafts. Each financing application must receive an approval or support from the JAKOA office. A total of RM1.65 million to 157 Orang Asli entrepreneurs were disbursed by the end of 2018, the beneficiaries of which were 23 entrepreneurs totaling RM244,000.

### iii. Collaboration with the Prisons Department and the National Anti-Drug Agency (AADK)

To help ex prisoner and National Anti-Drug Agency (AADK) trainee to take part in entrepreneurship, TEKUN Nasional has implemented the Second Chance Program to give the opportunity through entrepreneurship and joint to the community. Ex prisoners and AADK trainee have undertake entrepreneurship and skill courses during their detention period. From the year 2013 to 2018, a total of RM111,000 was disbursed to 9 entrepreneurs. In the year 2018, one entrepreneur received a financing amounting to RM15,000.

### iv. Kerjasama Dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

TEKUN Nasional turut menyediakan pembiayaan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Dengan ini, pembiayaan disediakan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) untuk memulakan perniagaan atau mengembangkan perniagaan yang sedia ada. Kerjasama dengan JKM dilaksanakan bermula tahun 2013 dan sejumlah RM2.37 juta telah disalurkan kepada 209 orang usahawan. Pada tahun 2018 seramai 57 orang usahawan telah menerima pembiayaan berjumlah RM614,000.

### iv. Collaboration with the Department of Social Welfare (JKM)

TEKUN Nasional also provided financing for the disabled people (OKU). With this, financing is provided for Persons with Disabilities to start a business or expand an existing business. The collaboration with JKM has been implemented since year 2013 and a total of RM2.37 million has been disbursed to 209 entrepreneurs. In year 2018, it was recorded 57 entrepreneurs recieved a financing amounting to RM614,000.

## PROGRAM PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DENGAN KERJASAMA GIATMARA

GIATMARA turut memainkan peranan dalam memperkasakan keusahawanan dengan menyediakan latihan Teknikal dan Vokasional yang berkualiti sejajar dengan misi kerajaan dalam mewujudkan usahawan tenaga mahir. TEKUN Nasional menawarkan pembiayaan kepada bekas pelajar GIATMARA yang telah tamat kursus dan latihan dalam bidang menjana pendapatan seperti salon dandanan rambut, gunting rambut, pembaikan penyaman udara, bengkel motor, kereta dan jahitan. Program kerjasama yang bermula dari tahun 2016 ini telah membantu seramai 105 orang usahawan dengan nilai pembiayaan sebanyak RM1.45 juta. Manakala bagi tahun 2018 seramai 36 orang usahawan telah menerima pembiayaan berjumlah RM420,000.

## ENTREPRENEURIAL DEVELOPMENT PROGRAM IN COLLABORATION WITH GIATMARA

GIATMARA also plays a role in strengthening entrepreneurship by providing quality Technical and Vocational training in line with the government's mission of creating skilled entrepreneurs. TEKUN Nasional offers financing to graduate GIATMARA students who have completed courses and training in income-generating areas such as hair salons, hairdressers, air conditioning repairs, motor workshops, cars workshops and tailoring. The collaboration program started in year 2016 has helped 105 entrepreneurs with a total financing value of RM1.45 million. For the year 2018, 36 entrepreneurs received financing totaling to RM420,000.

## PROGRAM PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN IKHTISAS WANITA

TEKUN turut menyediakan pembiayaan bagi membantu ibu tunggal atau Ketua Isi Rumah untuk menyara keluarga dengan menjalankan aktiviti perniagaan kecil-kecilan seperti pembuatan kuih, jahitan, SPA, salon, perniagaan online. Sejumlah RM3.6 juta telah disalurkan sehingga tahun 2018 kepada 269 orang usahawan. Pada tahun 2018 sejumlah RM1.96 juta telah disalurkan kepada 163 orang usahwan.

*(Semua Program Khas Mikro Kerjasama Awam Swasta - Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) ini yang dimulakan pada tahun 2013 telah ditamatkan pada Jun 2018.)*

## IKHTISAS WOMEN ENTREPRENEURSHIP DEVELOPMENT PROGRAM

TEKUN also provides financing to help single mother or head of the households supporting families by running small business activities such as baking, tailoring, SPA, salons and online businesses. A total of RM3.6 million was channeled through year 2018 to 269 entrepreneurs. In year 2018 only, a total of RM1.96 million was distributed to 163 entrepreneurs.

*(All Special Micro Program Public Private Partnership - Public Private Cooperation Unit (UKAS) which started in year 2013 has ended in June 2018.)*





## MIKROKREDIT AZAM TANI (PESERTA PROGRAM AZAM TANI)

Inisiatif Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bagi Projek Azam Tani bertujuan membantu untuk meningkatkan pendapatan bulanan bagi golongan miskin tegar dan golongan program eKasih. Peserta Program Azam Tani digalakkan bergiat dalam bidang pertanian iaitu tanaman, ternakan, perikanan, perniagaan hasil pertanian dan penghasilan produk industri asas tani melalui pemberian bantuan pembiayaan projek. MOA telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM1 juta bagi perlaksanaan program ini.

Skim Pembiayaan Mikrokredit Azam Tani merupakan pembiayaan kepada peminjam di mana caj 4% ditanggung oleh kerajaan dengan nilai pembiayaan sehingga RM10,000.

Peserta yang ditawarkan pembiayaan perlu menunjukkan rekod peningkatan dalam perniagaan yang diusahakan. Sepanjang tempoh perlaksanaan, seramai 99 orang usahawan telah menerima pembiayaan berjumlah RM720,000. Bagi tahun 2018 seramai 3 orang telah menerima pembiayaan berjumlah RM15,000 menjadikan keseluruhan kepada 102 orang usahawan dengan jumlah RM735,000.00

## AZAM TANI MICROCREDIT (PARTICIPANT OF AZAM TANI PROGRAM)

The initiative from Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MOA) was initiate the Azam Tani Program to help increase monthly income for the hard-core poor and the eKasih group program. Participants in the Azam Tani Program are encouraged to take part in the field of agriculture such as crops, livestock, fisheries, agricultural produce and the production of agro based industry products through project financing assistance. MOA has allocated RM1 million for the implementation of the program.

Azam Tani Micro-Credit Financing Scheme is a financing scheme to borrower whereby 4% charge is borne by the government with a financing value of up to RM10,000.

Participants who are offered financing must show records of improvement in their business. During the implementation period, 99 entrepreneurs received financing totaling to RM720,000. For the year 2018, 3 entrepreneurs received funding totaling RM15,000 bringing 102 entrepreneurs amounting RM735,000.00








## SKIM PEMBIAYAAN USAHAWAN BEKAS TENTERA (SPBT)

Program kerjasama antara Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) dengan TEKUN bertujuan membantu anggota untuk mendapatkan modal perniagaan & menceburi bidang keusahawanan selepas tamat perkhidmatan. Skim tersebut bukan sahaja untuk bekas tentera tetapi juga untuk ahli keluarga yang ingin menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan. Skim ini menyediakan pembiayaan dengan nilai maksimum RM100,000 dan tempoh pembiayaan 10 tahun. Bagi pembiayaan kepada pasangan atau anak bekas tentera dihadkan sehingga RM50,000.

Bermula dari tahun 2015- 2018, sebanyak RM8.2 juta telah disalurkan kepada 139 orang usahawan. Bagi tahun 2018, seramai 24 orang usahawan telah menerima pembiayaan berjumlah RM1.2 juta.

## EX MILITARY ENTREPRENEUR FINANCING SCHEME (SPBT)

Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) working together with TEKUN aims to help ex military members to get business capital and venture into entrepreneurship after completion of their services. The scheme is not only for the ex military but also extended to family members. Who want to venture into business and entrepreneurship. The scheme provides financing with a maximum value of RM100,000 and a 10 year financing period. Financing to former military spouse or children is limited to RM50,000.

From year 2015 - 2018, RM8.2 million was disbursed to 139 entrepreneurs. For year 2018, a total of 24 entrepreneurs received financing totaling RM1.2 million.

## SKIM DANA TERNAKAN JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) TEKUN

Skim pembiayaan ini khusus untuk penternak bertaraf semi komersial dan komersial di Negeri Johor. Tujuan skim pembiayaan ini ialah untuk memajukan bidang ternakan negeri Johor dan memberi peluang penternak untuk mengembangkan perniagaan penternakan mereka ke skala yang lebih besar dengan teknologi terkini serta pemasaran yang lebih meluas

Kerajaan Negeri Johor melalui DVS Johor telah menyediakan peruntukan sejumlah RM1 juta. Skim ini menawarkan pembiayaan sehingga RM 50,000 dan tempoh bayaran balik pembiayaan sehingga 5 tahun dengan caj 4% ditanggung oleh kerajaan.

TEKUN Nasional telah memberi pembiayaan berjumlah RM830 ribu kepada 19 orang usahawan yang menepati kriteria penternakan secara komersial.

## LIVESTOCK FINANCING SCHEME DEPARTMENT OF VETERINARY SERVICES (DVS)

This financing scheme is specific to semi-commercial and commercial breeders in the State of Johor. The purpose of this financing scheme is to develop the livestock industry in the state of Johor and provide farmers the opportunity to expand their livestock business to a larger scale with the latest technology and broader marketing.

The Johor State Government through DVS Johor has allocated a sum of RM1 million. The scheme offers financing up to RM 50,000 and a repayment period of up to 5 years with a 4% charge borne by the government.

TEKUN Nasional has financed RM830,000 for 19 entrepreneurs who fulfilled the commercial breeding criteria.

## SKIM PEMBIAYAAN NELAYAN

Skim Pembiayaan Nelayan ditawarkan kepada golongan nelayan yang mempunyai lesen menjalankan aktiviti perikanan dan memerlukan modal bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti perikanan yang dirancangkan. Skim ini bertindak untuk membantu mengurangkan beban hutang dan memerangi orang tengah melalui pengambilalihan hutang nelayan. TEKUN telah menyediakan pembiayaan kepada golongan nelayan dalam 4 aktiviti iaitu;

- Menyelesaikan hutang nelayan dengan menyalurkan pembiayaan terus kepada orang tengah,
- Membeli peralatan asas kelengkapan perikanan seperti sampan, enjin & pukat,
- Penternakan ikan dalam sangkar (Akuakultur), dan
- Pembiayaan kepada isteri nelayan untuk aktiviti yang boleh menjana dan menambah pendapatan.

TEKUN telah menyalurkan pembiayaan sebanyak RM23.8 juta kepada 2,867 orang usahawan perikanan dan nelayan sejak tahun 2014 sehingga 2018. Bagi tahun 2018 seramai 281 orang usahawan perikanan dan nelayan telah menerima pembiayaan berjumlah RM3.2 juta.

## FISHERMAN FINANCING SCHEME

The Fisherman Financing Scheme is offered financing to eligible fishermen to carry out fishery activities. The scheme help the fisherman to reduce the burden of their debt and avoid dependency against the middlemen through the acquisition of debt. TEKUN has provided financing to fishermen in four activities;

- Settlement of fishermen's debt through direct disbursement of financing to the middleman,
- Acquire basic equipment for fishery activities such as boats, engines & nets,
- Aquaculture, and
- Financing to fisherman's spouse for activities that can generate and increase income.

TEKUN has provided financing of RM23.8 million to 2,867 fishermen entrepreneurs from year 2014 to 2018. For the year 2018, a total of 281 fishermen entrepreneur have received financing amounting to RM3.2 million.

## SKIM PEMBIAYAAN MIKRO USAHAWAN VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (SPM-UV-ATM)

SPM-UV-ATM merupakan program kerjasama di antara Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) dengan TEKUN Nasional. Kerjasama ini dikukuhkan lagi oleh penglibatan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) di bawah Dana Mikro Kerjasama Awam Swasta dengan menyediakan peruntukkan pembiayaan. Pihak UKAS telah bersetuju agar pembiayaan ini diuruskan oleh PERHEBAT melalui TEKUN Nasional. Kerjasama mewujudkan program ini bertujuan membantu golongan pesara tentera yang menceburi bidang perniagaan yang mereka usahakan. Skim ini menawarkan pembiayaan tanpa caj kepada usahawan ( caj 2.5% ditanggung oleh kerajaan ) sehingga RM50,000 dan tempoh bayaran balik sehingga 5 tahun.

Sejak mula dilaksanakan pada tahun 2013-2018 seramai 2,113 usahawan veteran tentera telah menerima pembiayaan berjumlah RM37.4 juta. Bagi tahun 2018, seramai 161 usahawan veteran tentera telah menerima pembiayaan berjumlah RM2.7 juta.

## MALAYSIAN MILITARY VETERAN ENTREPRENEUR MICRO FINANCING SCHEME (SPM-UV-ATM)

SPM-UV-ATM is a collaboration program between the Armed Forces Affairs Corporation (PERHEBAT) and TEKUN Nasional. This partnership is further strengthened by the involvement of the Public Private Cooperation Unit (UKAS) under the Public Private Cooperation Micro Fund by providing financing provisions. The UKAS has agreed that this financing will be managed by PERHEBAT through TEKUN Nasional. This cooperation created a program at helping military retirees into the business. This scheme offers free charge to entrepreneurs (2.5% charge borne by the government) of up to RM50,000 and a repayment period up to 5 years.

Since its implement in year 2013-2018, 2,113 armed forces entrepreneurs have received financing totaling RM37.4 million. For year 2018, a total of 161 military veteran entrepreneurs have received financing amounting RM 2.7 million.




# SALURAN BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN TEKUN NASIONAL

## *TEKUN NASIONAL FINANCING REPAYMENT CHANNEL*

# SALURAN BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN TEKUN NASIONAL

## *TEKUN NASIONAL FINANCING REPAYMENT CHANNEL*

Bayaran balik pembiayaan merupakan elemen yang penting untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan pembiayaan kepada para usahawan. Bagi kemudahan capaian kepada usahawan untuk membuat bayaran balik, pelbagai saluran pembayaran pembiayaan disediakan oleh TEKUN Nasional. Berikut adalah kaedah bayaran balik pembiayaan yang disediakan:

*Financing repayment is an important element of ensuring the continuity of financing services to entrepreneurs. For easy access to entrepreneurs for repayment, various financing payment channels were provided by TEKUN Nasional. The financing repayment methods provided are as followed:*

i. Aplikasi mudah alih – usahawan perlu memuat turun aplikasi mudah alih TEKUNPay bagi membolehkan pembayaran balik pembiayaan dibuat secara atas talian melalui perbankan internet.

ii. Bayaran di premis – Pegawai TEKUN membuat kutipan tunai atau cek daripada usahawan di premis usahawan.

iii. Pejabat Cawangan – usahawan membuat pembayaran secara tunai, cek, Terminal Bayaran Balik Pembiayaan menggunakan kad debit / kad ATM yang disediakan di Pejabat Cawangan

iv. Bank – Usahawan boleh membuat pembayaran di bank-bank terpilih seperti RHB, Maybank dan BSN menerusi kaunter, online atau mesin deposit tunai. Ini termasuk semua agen bank BSN.

v. Pos Malaysia – usahawan membuat pembayaran di kaunter POS Malaysia atau melalui POS Online.

*i. Mobile applications - entrepreneurs need to download the TEKUNPay mobile application to enable financing repayment through online internet banking.*

*ii. Payment at Premises - TEKUN officer collect a cash or cheque at the entrepreneur's premises.*

*iii. TEKUN Branches - Entrepreneurs can make payment in cash, cheque, Repayment Terminal using debit card / ATM card provided at the TEKUN Branches*

*iv. Bank - Entrepreneurs can make payments at selected banks such as RHB, Maybank, BSN and all BSN (EB) agents.*

*v. Pos Malaysia - Entrepreneurs make payments at POS Malaysia counters or via POS Online.*

## Aplikasi TEKUNPay

Seiring dengan teknologi masa kini, TEKUN juga telah membangunkan aplikasi telefon pintar sebagai inisiatif baru dan berdaya saing di pasaran dunia global. TEKUNPay merupakan aplikasi mudah alih khusus untuk usahawan TEKUN Nasional membuat pembayaran pembiayaan dan semakan akaun pembiayaan. Aplikasi TEKUNPay boleh dimuat turun melalui Google Playstore (Android) dan App Store (iOS). Usahawan TEKUN yang menggunakan aplikasi ini mempunyai akses untuk :

i. Melihat paparan maklumat terperinci akaun pembiayaan.
ii. Membuat semakan transaksi pembayaran sehingga 9 bulan terdahulu.
iii. Membuat pembayaran melalui FPX (Perbankan Internet) terus ke akaun peminjam.

Aplikasi TEKUNPay telah dilancarkan pada 1 November 2017 dan sehingga kini seramai 38,556 orang usahawan TEKUN telah mendaftar sebagai pengguna TEKUNPay. Penggunaan aplikasi TEKUNPay telah mencapai transaksi bayaran balik berjumlah RM9.3 juta.

## TEKUNPay App

In line with currrent technology, TEKUN has also developed smartphone applications as a new and competitive initiative in the global marketplace. TEKUNPay is a mobile application specifically for TEKUN Nasional entrepreneurs to make financing payments and review financial account. The TEKUNPay app can be downloaded through the Google Playstore (Android) and the App Store (iOS). TEKUN entrepreneurs using this application to access:

i. View a detailed information of financing account.
ii. Repayment transactions for past 9 month period.
iii. Make payments via FPX (Internet Banking) directly to the financing account.

TEKUNPay apps has been launch on November 1, 2017 and as to date a total of 38,556 entrepreneurs has registered to use this apps. A sum of RM9.3 million repayment transaction has been made through this apps.



# SUBSIDIARI DAN ENTITI DI BAWAH TEKUN NASIONAL
# *SUBSIDIARIES AND ENTITIES UNDER TEKUN NASIONAL*

TEKUN Nasional turut disokong oleh 3 subsidiari yang bertanggungjawab membantu serta menyokong dalam pemantapan perkhidmatan TEKUN Nasional. Pihak yang terlibat ialah Institut Keusahawanan TEKUN Nasional (IKTN), TEKUN Corporation Sdn Bhd (TEKUN Corp) dan Koperasi Rakan TEKUN Berhad (KRTB).

TEKUN Nasional also supported by 3 subsidiaries which is responsible for assisting and supporting of TEKUN Nasional services. The subsidiaries are Institut Keusahawanan TEKUN Nasional (IKTN), TEKUN Corporation Sdn Bhd (TEKUN Corp) and Koperasi Rakan TEKUN Berhad (KRTB).

## INSTITUT KEUSAHAWANAN TEKUN NASIONAL (IKTN)

Demi memastikan usahawan TEKUN berjaya dan berdaya saing, seminar pembangunan modal insan dan latihan keusahawanan disediakan di bawah bidang kuasa Institut Keusahawanan TEKUN Nasional (IKTN). IKTN ditubuhkan pada tahun 2010, dengan tujuan meningkatkan kualiti modal insan dan keusahawanan. Sejak itu, seramai 191,499 usahawan telah dilatih menerusi 736 siri seminar keusahawanan meliputi pelbagai bidang pengetahuan. Pada tahun 2018, sebanyak 44 siri seminar telah diadakan melibatkan seramai 21,817 orang usahawan. Di samping itu, sebagai agensi pembangunan insan IKTN juga melaksanakan kursus untuk warga kerja TEKUN yang mana 180 kursus telah diadakan dan dihadiri oleh warga kerja TEKUN.

## TEKUN NASIONAL INSTITUTE OF ENTREPRENEURSHIP (IKTN)

In order to ensure TEKUN entrepreneurs are successful and competitive, human capital development seminars and entrepreneurship training are provided under the jurisdiction of the Institut Keusahawanan TEKUN Nasional (IKTN). The IKTN was established in 2010, with the objective of improving the quality of human capital and entrepreneurship. Since then, a total of 191,499 entrepreneurs have been trained through 736 series of entrepreneurship seminars covering various fields of knowledge. In year 2018, a total of 44 series of seminars were held involving 21,817 entrepreneurs. In addition, as a human development agency IKTN also conducts courses for TEKUN employees with 180 courses held and attended by TEKUN employees.



## BILANGAN USAHAWAN YANG MENGHADIRI SEMINAR ASAS KEUSAHAWANAN (SAK) TEKUN NASIONAL TAHUN 2010 - 2018

## NUMBER OF ENTREPRENEURS ATTENDED BASIC ENTREPRENEURSHIP SEMINAR (SAK) TEKUN NASIONAL YEAR 2010 - 2018

| TAHUN *YEAR* | BIL. SIRI SAK *NUM OF SAK SERIES* | BIL. USAHAWAN *NUM OF ENTREPRENEUR* |
|---|---|---|
| 2010 | 12 | 392 |
| 2011 | 77 | 2,511 |
| 2012 | 197 | 9,521 |
| 2013 | 92 | 7,429 |
| 2014 | 71 | 6,044 |
| 2015 | 125 | 19,019 |
| 2016 | 60 | 74,466 |
| 2017 | 58 | 50,300 |
| 2018 | 44 | 21,817 |
| **JUMLAH *TOTAL*** | **736** | **191,499** |



## BILANGAN USAHAWAN YANG MENGHADIRI SEMINAR ASAS KEUSAHAWANAN (SAK) TEKUN NASIONAL 2018

## NUMBER OF ENTREPRENEURS ATTENDED BASIC ENTREPRENEURSHIP SEMINAR (SAK) TEKUN NASIONAL 2018

| BULAN *MONTH* | BIL. USAHAWAN *NUM. OF ENTREPRENEUR* |
|---|---|
| JANUARI | 250 |
| FEBRUARI | 4,335 |
| MAC | 4,022 |
| APRIL | 2,712 |
| MEI | 625 |
| JUN | 168 |
| JULAI | 2,408 |
| OGOS | 222 |
| SEPTEMBER | 2,487 |
| OKTOBER | 2,734 |
| NOVEMBER | 616 |
| DISEMBER | 1,238 |
| **JUMLAH *TOTAL*** | **21,817** |






# PELAKSANAAN KURSUS KEPADA WARGA KERJA TAHUN 2018
## COURSES IMPLEMENTATION FOR STAFF 2018

| KEHADIRAN KURSUS *COURSE ATTENDED* | JUMLAH WARGA KERJA *NUM. OF STAFF* | PERATUSAN % *PERCENT %* |
|---|---|---|
| ≥3 HARI *DAY* | 732 | 58.05 |
| 2 HARI *DAY* | 273 | 21.65 |
| 1 HARI *DAY* | 227 | 18.00 |
| TIADA *NONE* | 29 | 2.30 |
| **JUMLAH *TOTAL*** | **1,261** | **100.00** |



≥3 Hari
Hadir Kursus
*Days Course Attended*
**58.05%**

2 Hari
Hadir Kursus
*Days Course Attended*
**21.65%**

1 Hari
Hadir Kursus
*Days Course Attended*
**18%**

Belum
Menghadiri Kursus
*No Course Attended*
**2.30%**

## PELAKSANAAN KURSUS WARGA KERJA MENGIKUT BIDANG BAGI TAHUN 2018
## IMPLEMENTATION OF STAF COURSES BY FUNCTION FOR THE YEAR 2018

| KATEGORI<br>*CATEGORY* | BIL KURSUS<br>*NUM OF COURSE* | BIL STAF HADIR KURSUS<br>*NUM STAFF ATTENDED* |
|---|---|---|
| Kursus Pemantapan Recovery (Dalaman)<br>*Recovery Stabilization Course (Internal)* | 33 | 1153 |
| Kursus Pemantapan Recovery (Luaran)<br>*Recovery Stabilization Course (External)* | 1 | 7 |
| Kursus Induksi<br>*Induction Course* | 5 | 159 |
| Kursus Pemantapan Kerja Reskilling (Dalaman)<br>*Reskilling Work Stabilization Course (Internal)* | 56 | 2027 |
| Kursus Pemantapan Kerja Reskilling (Luaran)<br>*Reskilling Work Stabilization Course (External)* | 70 | 236 |
| Kursus Pembangunan Insan (Dalaman)<br>*Human Development Course (Internal)* | 4 | 701 |
| Kursus Pembangunan Insan (Luaran)<br>*Human Development Course (External)* | 11 | 147 |
| **KESELURUHAN *TOTAL*** | **180** | **4,430** |



Kursus Pemantapan Recovery (Dalaman) *Recovery Stabilization Course (Internal)* 18%

Kursus Pemantapan Kerja Reskilling (Luaran) *Reskilling Work Stabilization Course (External)* 39%

Kursus Pemantapan Recovery (Luaran) *Recovery Stabilization Course (External)* 1%

Kursus Pembangunan Insan (Dalaman) *Human Development Course (Internal)* 2%

Kursus Induksi *Induction Course* 3%

Kursus Pembangunan Insan (Luaran) *Human Development Course (External)* 6%

Kursus Pemantapan Kerja Reskilling (Dalaman) *Reskilling Work Stabilization Course (Internal)* 31%

## TEKUN CORPORATION SDN BHD (TEKUN CORP)

TEKUN Corporation Sdn Bhd (TEKUN Corp) merupakan anak Syarikat TEKUN Nasional yang ditubuhkan pada 27 Februari 2014. Penubuhan subsidiari ini bertujuan untuk memperkasakan kelangsungan operasi TEKUN Nasional agar dapat terus membantu usahawan dengan menjana pendapatan tambahan melalui peluang pelaburan dan aktiviti perniagaan. Antara produk utama TEKUN Corp adalah perisian perakaunan untuk usahawan, entrepreneur hub TEKUN, memberi perkhidmatan sebagai agen kutipan hutang, membekal peralatan/ mesin kepada agensi lain dan sektor peruncitan, pembangunan hartanah serta air mineral semulajadi TCorp.

## TEKUN CORPORATION SDN BHD (TEKUN CORP)

TEKUN Corporation Sdn Bhd (TEKUN Corp) is a subsidiary of TEKUN Nasional was established on February 27, 2014. The establishment of the subsidiary is aimed at strengthening the sustainability of TEKUN Nasional's operations to further assist entrepreneurs by generating additional income through investment opportunities and business activities. Among TEKUN Corp's main products are accounting software for entrepreneurs, TEKUN entrepreneurs hub, providing services as debt collection agents, supplying equipment / machines to other agencies and retail sector, property development and TCorp's mineral water.

# AKTIVITI TEKUN CORP
# TEKUN CORP ACTIVITIES

### AGEN KUTIPAN HUTANG
### *DEBT COLLECTION AGENT*

Menyediakan perkhidmatan panggilan pelanggan kepada agensi berkaitan dan hal-hal kutipan hutang.

*Provide customer call service to related agencies and debt collection matters.*

### E-Hub

Menawarkan pakej perniagaan termasuk latihan, penjualan peralatan dan mesin kepada usahawan.

5 E-hub di Pulau Pinang, Kedah, Perak, Kelantan dan Selangor

Offers business packages including training, equipment and machinery sales to entrepreneurs.

5 E-hubs in Penang, Kedah, Perak, Kelantan and Selangor

### PERISIAN PERAKAUNAN
### *ACCOUNTING SOFTWARE*

Menawarkan sistem perakaunan berkonsepkan web-based kepada usahawan.

*Offering a web-based accounting system to entrepreneurs.*

### PERDAGANGAN DAN F&B
### *TRADE AND F&B*

Membantu menjual produk usahawan, produk lain dan air mineral.

*Assist in selling entrepreneur's products, other products and mineral water.*

# PENCAPAIAN *ACHIEVEMENTS*

## PENDAPATAN *INCOME*

| 2018 | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| 3,726,76 | 3,077,81 | 2,402,86 |

## PERBELANJAAN *EXPENSES*

| 2018 | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| 3,129,05 | 2,454,68 | 1,507,55 |

## UNTUNG/RUGI *PROFIT/LOSS*

| 2018 | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| 597,715 | 623,134 | 895,303 |







## KOPERASI RAKAN TEKUN BERHAD (KRTB)

Koperasi Rakan TEKUN Berhad ( KRTB ) ditubuhkan pada 14 Ogos 2015 oleh pihak pengurusan TEKUN Nasional. Objektif utama penubuhan KRTB ialah menggalakkan jaringan kerjasama di kalangan usahawan TEKUN, meningkatkan taraf sosio ekonomi dan kebajikan anggota-anggotanya dan menyediakan kemudahan menabung dalam bentuk takaful/insurans serta khairat kematian. KRTB mempunyai visi untuk menjadi sebuah koperasi yang unggul beroperasi berlandaskan prinsip-prinsip koperasi. Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang dijalankan;

i. Aktiviti pembiayaan peribadi untuk warga TEKUN Nasional
ii. Pembukaan cawangan Ar Rahnu KRTB
iii. Menceburi bidang hartanah, perhotelan & pelancongan
iv. Melaksanakan perkhidmatan Kooptakaful
v. Membekal Barangan Premium dan Barangan Pengguna
vi. Produk PTPTN: Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i Plus)

## KOPERASI RAKAN TEKUN BERHAD (KRTB)

Koperasi Rakan TEKUN Berhad (KRTB) was established on August 14, 2015 by the management of TEKUN Nasional. The main objectives of the establishment KRTB were to promote cooperation among TEKUN entrepreneurs, enhance the socio-economic status and welfare of the members and provide savings such as takaful / insurance and death donations. The KRTB has a vision of become an excellent co-operative society based on the principles of co-operation. This following are the activities that were;

i. Personal financing activities for TEKUN Nasional staff
ii. Ar Rahnu KRTB branch opening
iii. Explore real estate, hotels & tourism
iv. Implementing Kooptakaful services
v. Supply Premium Goods and Consumer Goods
vi. PTPTN Product: Nasional Education Savings Scheme (SSPN-i Plus)

# LAPORAN UNTUNG RUGI KRTB TAHUN 2018
# PROFIT LOSS REPORT KRTB YEAR 2018



PENDAPATAN *INCOME*

RM 659,680.62

KEUNTUNGAN *PROFIT*

RM 219,568.03



## AR RAHNU TEKUN

Perkhidmatan Ar Rahnu adalah salah satu skim pajak gadai Islam yang mematuhi Syariah Al-Qardh, Ar-Rahn dan Wadiah Yad Dhamanah yang membolehkan barang kemas yang berasaskan emas dijadikan cagaran untuk pembiayaan tunai. Perkhidmatan terbaru ini dikendalikan oleh Koperasi Rakan TEKUN Berhad (KRTB) dan memberi usahawan satu lagi kaedah fleksibel untuk membuat pembiayaan.

Terdapat 8 cawangan Ar Rahnu TEKUN yang beroperasi sejak diperkenalkan pada tahun 2015 iaitu di Shah Alam, Wangsa Maju, Semenyih, Sentul, Alor Setar, Tawau, Kota Bharu dan Bandar Baru Uda, Johor Bharu. Ar Rahnu TEKUN menawarkan 4 jenis produk;

- Ar Rahnu 4U
- Ar Rahnu Mikro Biz
- Ar Rahnu Mikro Biz E
- Ar Rahnu Mikro Biz S

Ar Rahnu TEKUN juga menawarkan perkhidmatan lain seperti berikut :

- i-Save
- i-Cuci

Sejak beroperasi, Ar Rahnu TEKUN telah menerima seramai 4,643 orang pelanggan dengan nilai gadaian bernilai RM45.5 juta. Perkhidmatan upah simpan pula diterima sebanyak RM1.98 juta. Pada tahun 2018, gadaian bernilai RM26 juta dengan 2,651 bilangan gadaian diterima manakala perkhidmatan upah simpan direkodkan bernilai RM1.1 juta.

## AR RAHNU TEKUN

Ar Rahnu's is one of the Islamic pawnbroking that complied with Al-Qardh, Ar-Rahn and Wadiah Yad Dhamanah whereby only gold and jewelry made of gold is used as a collateral for cash financing. This latest service is operated by Koperasi Rakan TEKUN Berhad (KRTB) and provides entrepreneurs another flexible way to obtain financing.

There are 8 Ar Rahnu TEKUN branches operating since 2015 at Shah Alam, Wangsa Maju, Semenyih, Sentul, Alor Setar, Tawau, Kota Bharu and Bandar Baru Uda, Johor Bharu. Ar Rahnu TEKUN offers 4 types of products;

- Ar Rahnu 4U
- Ar Rahnu Micro Biz
- Ar Rahnu Micro Biz E
- Ar Rahnu Micro Biz S

Ar Rahnu TEKUN also offer others services as follow:

- i-Save
- i-Cuci

Since operation, a total of 4,643 customers has made pawned amounting to RM45.5 million at Ar Rahnu TEKUN. A sum of RM1.98 million were received as safekeeping fees. In year 2018, pawn amounted to RM26 million with 2,651 number of pawn received while safekeeping fees recorded RM1.1 million.





# JAWATANKUASA AUDIT, INTEGRITI & RISIKO (JKAIR)

## *AUDIT, INTEGRITY & RISK COMMITTEE (JKAIR)*

## JAWATANKUASA AUDIT, INTERGRITI & RISIKO (JKAIR)

Jawatankuasa Audit, Integriti & Risiko (JKAIR) TEKUN Nasional adalah salah satu daripada jawatankuasa di bawah Ahli Lembaga Amanah TEKUN Nasional.

Jawatankuasa ini tidak mempunyai kuasa eksekutif. Antara peranan JKAIR adalah:

i. Mempunyai kuasa sepenuhnya untuk menyiasat sebarang perkara dalam lingkungan terma-terma rujukannya, memiliki sumber yang diperlukan untuk berbuat demikian, dan memiliki akses penuh kepada maklumat;
ii. Memiliki saluran komunikasi langsung dengan juruaudit dalaman dan luaran dan individu yang menjalankan fungsi audit dalaman dan luaran atau aktiviti (jika ada);
iii. Mengkaji laporan daripada Seksyen Audit Dalam & Risiko (SADR) dan Jabatan Audit Negara untuk memastikan semua isu yang dilaporkan diselesaikan dengan baik dan memperakukan tindakan susulan.
iv. Memastikan tindakan pencegahan dan penambahbaikan diambil oleh pihak pengurusan supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat dibetulkan dan tidak berulang;
v. Memantau integriti penyata kewangan Syarikat;

Bagi terus memantau dan menambah baik keberkesanan TEKUN Nasional, Jawatankuasa Audit, Integriti & Risiko perlu mengadakan mesyuarat sekurang-kurang empat ( 4 ) kali setahun.

Sepanjang tahun 2018, jawatankuasa berkenaan telah mengadakan beberapa aktiviti yang berkaitan seperti :

i. Pelaksanaan 166 laporan audit meliputi 6 jenis pengauditan iaitu Pengauditan Cawangan dan Negeri, Pengauditan Siasatan, Pengauditan Teknologi Maklumat, Pengauditan Tadbir Urus, Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa.
ii. Aktiviti pengukuhan integriti dengan menganjurkan sesi Taklimat / Ceramah Integriti, Artikel Integriti TEKUN Nasional, Peringatan Integriti TEKUN Nasional dan Artikel Himpunan Kes Tatatertib TEKUN Nasional.
iii. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Surcaj TEKUN Nasional telah dianjurkan sebanyak 10 kali sepanjang tahun 2018.
iv. Bertanggungjawab mengeluarkan 13 laporan siasatan salahlaku dan 5 laporan pemantapan tadbir urus.

## AUDIT, INTERGRITY & RISK COMMITTEE (JKAIR)

TEKUN Nasional Audit, Integrity & Risk Committee (JKAIR) is one of the committees under the TEKUN Nasional Board of Trustees.

This committee has no executive authority. Among the roles of JKAIR are:

i. To investigate any matter within its terms of reference and authority to mobilise the necessary resources for such investigations as required and also the right to full access to any required information;
ii. Have direct communication channels with the internal and external auditors and individuals conducting internal and external audit functions or activities (if any);
iii. Review reports from the Internal Audit & Risk Section (SADR) and the Nasional Audit Department to ensure that all reported issues are resolved satisfactorily and follow up actions are certified.
iv. Ensure preventive and corrective actions are taken by the management. Subsequently there would be no recurrence of of some events;
v. Monitor the integrity of the Company's financial statements;

In order to continuously monitor and improve the effectiveness of the TEKUN Nasional, the Committee is required to meet at least four (4) time yearly.

In 2018, the activities conducted by the committee as follows:

i. The implementation of 166 audit reports includes 6 types of audits are Branch and State Auditing, Investigation Auditing, Information Technology Auditing, Governance Auditing, Risk Management and the Committee.
ii. Reinforcement of integrity program by organizing Briefing / Integrity Talks, TEKUN Nasional Article of Integrity, TEKUN Nasional Reminder on Integrity and TEKUN Nasional Collection of Article on Disciplinary Cases.
iii. The TEKUN Nasional Surcharge Implementation Committee Meeting was held 10 times during the year 2018.
iv. Issuing 13 reports of misconduct investigations and 5 governance enhancement reports.

# PRESTASI KEWANGAN TEKUN NASIONAL 2018

# *TEKUN NASIONAL FINANCIAL PERFORMANCE 2018*



## PRESTASI KEWANGAN TEKUN NASIONAL 2018

Prestasi kewangan TEKUN Nasional tahun 2018 menunjukkan TEKUN memperolehi pendapatan sebanyak RM173.2 juta berbanding RM205.2 juta tahun sebelumnya. Pendapatan ini terdiri daripada pendapatan dari operasi berjumlah RM114.1 juta dan pendapatan dari operasi lain berjumlah RM59.1 juta.

Perbelanjaan operasi bagi tahun 2018 merekodkan jumlah RM104.9 juta berbanding RM106.5 juta pada tahun 2017. Ini menunjukkan penurunan perbelanjaan sebanyak RM1.6 juta. Tahun 2018 menunjukkan lebihan pendapatan sebanyak RM50.1 juta setelah mengambil kira jumlah jangkaan kerugian kredit sebanyak RM18.2 juta.

Penyata Kewangan berakhir 31 Disember 2018 menunjukkan kedudukan aset TEKUN Nasional yang terdiri daripada Aset Tetap, Aset Semasa dan Nilai Aset Bersih. Aset Tetap bagi tahun berakhir 2018 berjumlah RM80.1 juta manakala Aset Semasa berjumlah RM1.9 bilion. Pembiayaan kepada usahawan sebanyak RM1.78 bilion bagi tahun berakhir 2018 dan jumlah Tanggungan Semasa sebanyak RM767 juta. Aset Bersih TEKUN Nasional adalah bernilai sebanyak RM2.74 bilion.

Penyata Kewangan TEKUN Nasional menunjukkan terdapat pengurusan kewangan yang dilaksanakan oleh pihak TEKUN untuk menguruskan risiko kewangan. Sebagai agensi yang menyediakan kemudahan pembiayaan, TEKUN terdedah kepada pelbagai risiko kewangan namun objektif penggunaan instrumen kewangan adalah untuk memaksimakan pulangan dan meneruskan perkhidmatan kepada para usahawan. TEKUN Nasional bukanlah sekadar menjayakan aspirasi pihak kerajaan tetapi juga bertanggungjawab menyampaikan perkhidmatan yang berkesan dan menjadi tonggak kepercayaan kepada kumpulan sasar iaitu Usahawan Mikro Bumiputera.

## TEKUN NASIONAL FINANCIAL PERFORMANCE 2018

The financial performance of TEKUN Nasional in year 2018 show TEKUN earning amounted to RM173.2 million as compared to RM205.2 million the previous year. This revenue comprises revenue from operations amounting to RM114.1 million and revenue from other operations of RM59.1 million.

Operating expenditure for year 2018 recorded a total of RM104.9 million as compared to RM106.5 million in 2017. This represents a decrease in expenditure of RM1.6 million. The year 2018 indicated a surplus of RM50.1 million after taking into account the expected credit loss of RM18.2 million.

The financial statement ending December 31, 2018 showed the position of TEKUN Nasional assets consisting of Fixed Assets, Current Assets and Net Asset Value. Fixed Assets for the year ending 2018 totaled RM80.1 million while Current Assets stood at RM1.9 billion. Financing to entrepreneurs amounting to RM1.78 billion for the year ending 2018 and the Current Liability of RM767 million. Net assets of TEKUN Nasional are worth RM2.74 billion.

The TEKUN Nasional Financial Statements showed that there were financial controls implemented by TEKUN to manage financial risk. As an agency that provides financing facilities, TEKUN is exposed to a variety of financial risks but the objective of using financial instruments is to maximize returns and continue to provide entrepreneurs with services. TEKUN Nasional is not only fulfilling the aspirations of the government but also responsible for delivering effective services and is a pillar of trust for the target group, the Bumiputera Micro Entrepreneur.

## TAKAFUL KEMALANGAN DIRI – 'TEKUN CARE'

TEKUN Nasional telah mengorak langkah dengan mempelbagaikan produk dan perkhidmatan dengan memperkenalkan pelan perlindungan Takaful Kemalangan Diri iaitu 'TEKUN Care'. Perlindungan takaful kemalangan diri ini merupakan pelan perlindungan yang melindungi pelanggan selama 24 jam di seluruh dunia dengan nilai yang berpatutan. TEKUN Care mempunyai 3 pelan perlindungan iaitu platinum, gold and silver. Perlindungan yang ditawarkan ialah yang melibatkan kematian akibat kemalangan, kehilangan upaya kekal dan rawatan perubatan akibat kemalangan. Pelanggan akan mendapat manfaat seperti elaun hospital mengikut hari, perbelanjaan perubatan, bayaran rawatan gigi, kerusi roda/prostesis anggota badan dan termasuk kes ragut. Pada tahun 2018, seramai 47,387 pemegang polisi dengan nilai premium berjumlah RM 599.5 juta dalam produk 'TEKUN Care'

## TAKAFUL PERSONAL ACCIDENT – 'TEKUN CARE'

TEKUN Nasional has taken steps to diversify its products and services with the introduction of the 'TEKUN Care' Personal Accident Takaful plan. This takaful personal accident protection is a 24-hour worldwide customer protection plan that is affordable. TEKUN Care has 3 protection plans namely platinum, gold and silver. The protection offered includes accidental death, permanent disability and medical treatment cause by accidents related. Customers will receive benefits such as daily hospital allowance, medical expenses, dental treatment, wheelchair / prosthesis and even snatch cases. In year 2018, there were 47,387 policy holders with a total premium payment of RM 599.5 million in 'TEKUN Care' product

## PELAN PERLINDUNGAN
### *PROTECTION PLAN*

| PELAN PERLINDUNGAN *PROTECTION PLAN* | PREMIUM (RM) *PREMIUM (RM)* | JUMLAH (RM) / TAHUN *TOTAL (RM) / YEAR* |
|---|---|---|
| Platinum | 50,000 | 31.80 |
| Gold | 30,000 | 19.08 |
| Silver | 10,000 | 9.54 |



## WASIAT

Kesedaran tentang kepentingan wasiat masih di tahap rendah di kalangan masyarakat Melayu di Malaysia. Pewarisan harta terancang akan memudahkan waris bagi memastikan kebajikan mereka dapat dipelihara sekaligus mengurangkan bebanan yang akan ditanggung oleh waris selepas berlaku kematian. Menyedari kepentingan perancangan harta pusaka, TEKUN Nasional bekerjasama dengan MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB) dan telah mewujudkan produk wasiat yang sah menurut undang-undang dan hukum syara'.

Kelebihan mendaftar wasiat di MAAB ialah syarikat akan memastikan wasiat dijamin rahsia, selamat dari kerosakan dan mudah untuk diakses oleh waris. Pihak syarikat juga akan membantu waris dalam mempercepatkan proses wasiat, mengurangkan kos guaman di samping pengurusan wasiat akan dilaksanakan mengikut prosedur undang-undang yang ditetapkan.

Perkhidmatan wasiat yang dikeluarkan oleh TEKUN Nasional berharga RM200.00 untuk bayaran sekali seumur hidup. Pada tahun 2018, seramai 10,438 orang telah melanggan Wasiat TEKUN Nasional dengan nilai RM 2.1 juta.

## WILL

The awareness of the importance of will is still low among the Malay community in Malaysia. Planned inheritance will help facilitate the inheritor to ensure their welfare is protected while reducing the burden upon death. Recognizing the importance of estate planning. TEKUN Nasional in collaboration with MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB) has taken the initiative to provide will-writing services in accordance with Syara' laws.

The advantage of registering of will at MAAB is that the company will ensure the testament is kept confidential, safe from damage and accessible to the heirs. The company will also assist the beneficiary in expediting the will process, reducing the cost of litigation while executing the will in accordance with the prescribed legal procedure.

TEKUN Nasional charges a one-time fee of RM200 to register a will with MAAB. In 2018 a total of 10,438 people registered their will with TEKUN Nasional with the value of RM 2.1 million.







# ANUGERAH TEKUN NASIONAL

## *TEKUN NASIONAL RECOGNITION*



# ANUGERAH TEKUN NASIONAL
# TEKUN NASIONAL RECOGNITION















### ANUGERAH FINANCIAL INCLUSION ADFIAP AWARDS 2013

(Project Entry : Improved LivingStandard Of Low-Income Household in Agro-Food Sector & Agro-Based Industry ) @ Ulaanbaatar Mongolia,Mei 2013

### ANUGERAH BEST INNOVATION IN FINANCIAL SERVICES KARLSRUHE SUSTAINABLE FINANCE AWARDS 2013

(Project Entry : Successin Consolidated Economic Fund For Small Entrepreneurial BusinessDevelopment @ Karlsruhe Germany, Julai 2013

### ANUGERAH HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT ADFIAP Awards 2014

(Project Entry : The Young Graduate Entrepreneurship Development Program) @ Moscow Rusia, April 2014

### ANUGERAH LOCAL ECONOMIC DEVELOPMENT ADFIAP Awards 2016

(Project Entry : Program Mentor Mentee) @ Apia Samoa, Mei 2016

Usaha TEKUN Nasional dalam membantu dan menyediakan perkhidmatan pembiayaan bukan sahaja mendapat pengiktirafan di dalam negara bahkan turut diiktiraf di peringkat antarabangsa.

TEKUN Nasional's efforts in assisting and providing financing services are not only nationally recognized but also internationally recognized.










## ANUGERAH "SME DEVELOPMENT" ADFIAP Awards 2017

(Project Entry : Programme Zero to Hero -Succesful Entrepreneurs) @ Macao,China 2017

## ANUGERAH "APLIKASI MUDAH ALIH"

Tempat Pertama : Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani 2017

Ministry Level First Place Mobile Application Competition, Ministry of Agriculture & Agro-based Industry

## ANUGERAH PORTAL

Tempat Pertama : Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani 2017

First Place Portal Contest, Ministry of Agriculture & Agro-based Industry 2017,

Category: Goverment Linked Companies (GLC)

# ALAMAT PEJABAT TEKUN
## OFFICES ADDRESS



TEKUN Nasional mempunya 182 pejabat cawangan fizikal termasuk 6 pejabat Ar Rahnu. Berikut adalah alamat pejabat TEKUN di peringkat negeri:peringkat negeri:

TEKUN National has 182 physical branch offices including 6 Ar Rahnu offices. The following are the addresses of the TEKUN offices at state level:

**IBU PEJABAT TEKUN NASIONAL**
**TEKUN NASIONAL HEADQUATERS**
T5-01-01, Menara 5,
Jalan Lingkaran Tengah, Lingkaran Maju (Maju Link),
57000 Bandar Tasik Selatan,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tel: 03-9059 8888
Faks: 03-9059 9292

**PEJABAT NEGERI / STATE OFFICE**
**PERLIS**
No. 1L Jalan Arau - Kodiang
Taman Utara (Fasa II) Guar Sanji
02600 Arau, Perlis
Tel : 04-9868186/87
Faks: 04-9868188
Pengurus Negeri : En. Azri Adin

**PEJABAT NEGERI / STATE OFFICE**
**KEDAH**
No 243, Tingkat 2
Kompleks Shahab Perdana
Jalan Sultanah Sambungan
05150 Alor Setar
Kedah Darulaman
Tel / Faks : 04-7327609 / 04-7347608
Pengurus Negeri : En. Ibrahim Ariffin

**PEJABAT NEGERI / STATE OFFICE**
**PULAU PINANG**
11-1,Bangunan Wakaf Seetee Aisah
Taman Wakaf Seetee Aisah
Jalan Wakaf Seetee Aisah
13700 Perai
Pulau Pinang
Tel : 04-3838371, 04-3838502, 04-3838596
Faks : 04-3838891
Pengurus Negeri : Pn. Haliyatul Asma Jamaluddin

**PEJABAT NEGERI / STATE OFFICE**
**PERAK**
24 & 26, Medan Istana 7
Bandar Ipoh Raya
30000 Ipoh
Perak Darul Ridzuan
Tel : 05-2495710/11/12
Faks : 05-2541901
Pengurus Negeri : En. Mohd Anuar Salleh

**PEJABAT NEGERI / STATE OFFICE**
**KELANTAN**
No. 29 & 31, Seksyen 20
Wakaf Siku, Jalan Sultan Yahya Petra
15200 Kota Bharu
Kelantan Darul Naim
Tel : 09-7418523 (Pejabat Negeri)
Tel : 09-7418525 (Business Centre)
Faks : 09-7418524
Pengurus Negeri : En. Che Othman Che Wil @ Ismail

**PEJABAT NEGERI / STATE OFFICE**
**TERENGGANU**
Lot PT 37821-1, Dataran Rimba,
Jalan Tengku Mohamad,
21300 Kuala Nerus,
Terengganu.
Tel.: 09-6669750 / 60 / 63 / 64
Faks : 09-6669770
Pengurus Negeri : En. Mohd Ghazali Husain

**PEJABAT NEGERI / STATE OFFICE**
**PAHANG**
No. 17, Tingkat 1
Jalan Ahmad Shah
28000 Temerloh
Pahang Darul Makmur
Tel : 09-2901744/43/42 / 09-2901740
Faks : 09-2962085
Pengurus Negeri : En. Hassan Anuar




**PEJABAT NEGERI / STATE OFFICE**
**SELANGOR**
Tingkat 3, No.28, Jalan Tengku Ampuan Zabedah, 9/D Seksyen 9, 40100 Shah Alam Selangor
Tel: 03–55127060 / 03 – 55127041 / 03 – 55199580 / 03-55127050
Faks: 03–55127050
Pengurus Negeri : En. Muhammad Zamani Razali

**PEJABAT NEGERI / STATE OFFICE**
**SARAWAK**
Sublot 72, Tingkat 1 & 2, Riverredge Commercial Centre,
Jalan Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub, Petra Jaya,
93050 Kuching Sarawak
Tel : 082-410972 / 082-428245 / 082-232893 / 082-428176 / 082-232416
Faks : 082-428264
Pengurus Negeri : En. Roslan Ais

**PEJABAT NEGERI / STATE OFFICE**
**SABAH**
Tingkat 3,14-4;15-4
Block C, Harbour City, Sembulan
88000 Jalan Pantai, Kota Kinabalu
Sabah Negeri Di Bawah Bayu
Tel : 088 - 311355 / 088 - 311358
Faks : 088-311356
Pengurus Negeri: En. Hemin Osumping

**PEJABAT NEGERI / STATE OFFICE**
**WP KUALA LUMPUR**
T5-01-01, Menara 2,
Jalan Lingkaran Tengah, Lingkaran Maju (Maju Link ),
57000 Bandar Tasik Selatan,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tel: 03-9059 8987
Faks: 03-9059 8993
Pengurus Negeri : En. Rafaizil Bin Ahmad Tajudin

**PEJABAT NEGERI / STATE OFFICE**
**NEGERI SEMBILAN**
No. 1, Tkt 2 dan 3, Jalan Durian Emas 2
Off Jalan Dato' Siamang Gagap
Betaria Business Centre
70400 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel : 06-7615 943
Faks : 06-7615 944
Pengurus Negeri : Pn. Zuraidah Mat Jinal

**PEJABAT NEGERI / STATE OFFICE**
**MELAKA**
No 12, Aras 2
Bangunan Kota Cemerlang
75450 Ayer Keroh, Melaka
Tel: 06-2328700
Faks : 06-2328757
Pengurus Negeri : En. Anuar Abu Zarin

**PEJABAT NEGERI / STATE OFFICE**
**JOHOR**
No, 66, Jalan Padi 1
Bandar Baru Uda
81200 Johor Bharu
Johor Darul Takzim
Tel : 07-2351466/ 07-2371227 / 07-2371337
Faks : 07-2351596
Pengurus Negeri : En. Zainal Rahmat


KESORA
TEKUN
EXPL RACE
2018
TEKUN
KAMPUNG STYL
2018
22 September 2018 ( Sabtu )

# AKTIVITI TEKUN NASIONAL

## *TEKUN NASIONAL ACTIVITY*








# Aktiviti TEKUN NASIONAL




*Majlis*
PERASMIAN SAK NEGERI SELANGOR & PELANCARAN APLIKASI MUDAH ALIH TEKUN PAY YANG DIRASMIKAN OLEH YB MENTERI PERTANIAN DATO' SRI AHMAD SHABERY BIN CHEEK@MOA •5 FEB 2018•



*Majlis*
PERJUMPAAN YB DATO' NOGEH GUMBEK, TIMBALAN MENTERI PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI BERSAMA BELIA TANI DAERAH BAU@PARLIMEN MAS GADING•11 FEB 18•







*Majlis*
PELANCARAN BUKU USAHAWAN EDISI KE DUA 2018 OLEH PENGERUSI TEKUN NASIONAL DATO AZITA BINTI ABDUL RAHMAN @ TEKUN NASIONAL •26 FEB 18•

## FEB 2







# Aktiviti TEKUN NASIONAL

*Majlis*

PELANCARAN PROGRAM GAYA HIDUP SIHAT TEKUN NASIONAL YANG DILANCARKAN OLEH DATUK BAHAROM EMBI CEO TEKUN NASIONAL ·15 MAC 2018· @ IBU PEJABAT TEKUN NASIONAL



## MAC 3





*Majlis*

MAJLIS PERASMIAN PEJABAT TEKUN PARLIMEN BATU KAWAN DI RASMIKAN OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI @ PARLIMEN BATU KAWAN ·17 MAC 2018·

# APRIL 4

# Aktiviti TEKUN NASIONAL







*Majlis*
PELANCARAN TEKUN PAY OLEH TAN SRI DATO' SRI SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL@PANTAI KUALA KERTEH, TERENGGANU ·6 APRIL 2018·







*Majlis*
PERASMIAN PEMBUKAAN PREMIS AR RAHNU TEKUN YANG DIRASMIKAN DATUK BAHAROM EMBI, CEO TEKUN NASIONAL@TAWAU SABAH ·11 APRIL 2018·



*Majlis*
KUNJUNGAN HORMAT AGROBANK KE IBU PEJABAT TEKUN NASIONAL·20 APRIL 2018·



# Aktiviti TEKUN NASIONAL

## MEI 5







*Majlis*
PERASMIAN ROAD TO MAHA ZON PANTAI TIMUR & PERKASA WANITA OLEH YB DATUK HAJJAH ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT@PANTAI KUALA KERTEH, TERENGGANU







*Majlis*
RAMAH MESRA USAHAWAN TEKUN PENDANG, DIRASMIKAN OLEH DATUK BAHAROM EMBI
•3 MEI 2018•









*Majlis*
RAMAH MESRA USAHAWAN TEKUN KEMAMAN DIRASMIKAN OLEH DATUK BAHAROM EMBI, CEO TEKUN NASIONAL@DEWAN KEMASIK, KEMAMAN, TERENGGANU •7 MEI 2018•

# Aktiviti TEKUN NASIONAL






*Majlis*
PROGRAM SAMBUTAN HARI IBU, SEGALANYA WANITA, DIRASMIKAN OLEH DATIN HANIKA HASHIM, PENGERUSI PUSPANITA TEKUN NASIONAL @IBU PEJABAT TEKUN NASIONAL •14 MEI 2018•

## MEI 5








*Majlis*
KUNJUNGAN PENGURUSAN TEKUN NASIONAL & PUSPANITA TEKUN NASIONAL KE WAD PEDIATRIK HUKM @HUKM,CHERAS •22 MEI 2018•

# JUN 6 Aktiviti TEKUN NASIONAL

*Majlis*
BERBUKA PUASA TEKUN NASIONAL
@IBU PEJABAT TEKUN NASIONAL
•1 JUN 2018•













*Kejohanan*
BOWLING TERTUTUP TEKUN NASIONAL
YANG DILANCARKAN OLEH DATUK BAHAROM EMBI
CEO TEKUN NASIONAL@IOI CITY MALL PUTRAJAYA
BOWLING, PUTRAJAYA •30 JUN 2018•





*Majlis*
MENANDATANGANI MOU TEKUN NASIONAL
& USM@IBU PEJABAT TEKUN NASIONAL
•26 JUN 2018•

# Aktiviti TEKUN NASIONAL

*Lawatan*
YB DATO' HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB, MENTERI PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI KE TEKUN NASIONAL@IBU PEJABAT TEKUN NASIONAL •3 JULY 18•









*Majlis*
MENANDATANGANI MOU ANTARA TEKUN NASIONAL & UUM @IBU PEJABAT TEKUN NASIONAL • 10 JULY 2018•





*Majlis*
SAMBUTAN AIDILFITRI TEKUN NASIONAL @IBU PEJABAT TEKUN NASIONAL 10 JULY 2018



7 JUL









*Majlis*
MENANDATANGANI MOU ANTARA TEKUN NASIONAL & PUBLIC GOLD @ IBU PEJABAT TEKUN NASIONAL 13 JULY 2018

# JUL 7

*Majlis*
PERASMIAN AR-RAHNU CAWANGAN JOHOR BAHRU YANG DIRASMIKAN OLEH DATUK BAHAROM EMBI CEO TEKUN NASIONAL@BANDAR BARU UDA, JOHOR BAHRU •16 JULY 2018•







# Aktiviti TEKUN NASIONAL








*Majlis*
ADILIFITRI PUSPANITA TEKUN NASIONAL @IBU PEJABAT TEKUN NASIONAL •19 JULY 2018•

# Aktiviti TEKUN NASIONAL

## OGOS 8

*Pertandingan* MEMASAK PUSPANITA @IBU PEJABAT TEKUN NASIONAL ·10 OGOS 2018·










*Kunjungan Hormat* YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD YUSOF, MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN KE TEKUN NASIONAL@IBU PEJABAT TEKUN NASIONAL ·3 OGOS 2018·









*Anugerah*
PERKHIDMATAN CEMERLANG 2018
@IBU PEJABAT TEKUN NASIONAL



SEPT
9

# Aktiviti TEKUN NASIONAL








*Explorace Tekun,*
KAMPUNG STYLE YANG DILANCARKAN
OLEH DATUK BAHAROM EMBI
CEO TEKUN NASIONAL



# Aktiviti TEKUN NASIONAL

## SEPT 9





*Lawatan*
AHLI LEMBAGA AMANAH TEKUN NASIONAL KE TAMAN SUTERA KAJANG
SEMPENA PROGRAM TEMAN TEKUN •16 OGOS 2018•

# OKTOBER 10

# Aktiviti TEKUN NASIONAL





*Program*

DERMA DARAH TEKUN NASIONAL 2018@IBU PEJABAT TEKUN NASIONAL
23 OCT 2018









*Majlis*
KONVENSYEN MEMPERKASA USAHAWAN BUMIPUTERA YANG DIRASMIKAN OLEH YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD YUSOF, MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN @SHAH ALAM, SELANGOR •9 NOV 2018•




# Aktiviti TEKUN NASIONAL NOV 11






*Majlis*
PROGRAM MEMPERKASAKAN USAHAWAN BUMIPUTERA YANG DIRASMIKAN OLEH YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD YUSOF, MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN @JOHOR BAHRU •13 NOV 2018•





# Aktiviti TEKUN NASIONAL

## DIS 12



*Majlis*
PERJUMPAAN PENGERUSI TEKUN
YBHG. DATO' SRI MOHAMAD SUPARADI MD NOOR
BERSAMA WARGA KERJA ZON TENGAH,
IBU PEJABAT TEKUN NASIONAL
•1 DISEMBER 2018•





*Majlis*
PERJUMPAAN PENGERUSI TEKUN YBHG. DATO' SRI MOHAMAD SUPARADI MD NOOR BERSAMA WARGA KERJA ZON TIMUR @PRIMULA BEACH RESORT, KUALA TERENGGANU



# Aktiviti TEKUN NASIONAL DIS 12





*Lawatan*
PREMIS USAHAWAN TERENGGANU BERSAMA PENGERUSI TEKUN NASIONAL YBHG. DATO' SRI MOHAMAD SUPARADI MD NOOR @KEMAMAN ·8 OGOS 2018·












*Majlis*
PERJUMPAAN PENGERUSI TEKUN YBHG. DATO' SRI MOHAMAD SUPARADI MD NOOR BERSAMA WARGA KERJA ZON SELATAN @ MELAKA





*Majlis*
PENYAMPAIAN BANTUAN PERSEKOLAHAN OLEH YBHG DATO' SRI MOHAMAD SUPARADI MD NOOR, PENGERUSI TEKUN NASIONAL ·25 DIS 2018· @TANAH MERAH, KELANTAN

www.tekun.gov.my

@tekunasional



